

Daya saing negara menurun ke-32

SINAR HARIAN

MS: 28

16/6/2022

Penurunan tujuh tangga disebabkan tekanan inflasi dan cabaran rantai bekalan global

KUALA LUMPUR

Malaysia berada di kedudukan ke-32 dalam Ranking Daya Saing Dunia (WCR) Institut Antarabangsa bagi Pembangunan Pengurusan (IMD) 2022, turun tujuh tangga dari kedudukan ke-25 yang direkodkan pada 2021.


Menurut Pusat Daya Saing Dunia (WCC) IMD, Thailand (di tangga ke-33 kali ini berbanding ke-28 pada 2021) dan Indonesia (di ranking ke-44 berbanding di kedudukan ke-37 sebelum ini) turut

mengalami penurunan prestasi berikutan pembukaan semula ekonomi yang perlahan pasca-Covid-19 berbanding dengan Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS).

Rantau Asia juga menyaksikan ranking China turun satu tangga kepada 17 daripada 16, menongkah aliran meningkat kukuh yang dicatatkan negara itu sejak beberapa tahun kebelakangan ini, menunjukkan pemulihan ekonomi yang buruk dijejaskan lagi oleh strategi sifar Covid.

“Melangkah ke hadapan, China perlu menstrukturkan semula ekonomi daripada pembuatan kepada perkhidmatan bernilai tinggi dan daripada pelaburan kepada penggunaan.

“Ia juga perlu membangunkan pasaran nasional disatukan untuk meningkatkan kemakmuran ekonomi jangka panjang, dan ia hanya akan mencapai matlamat pembangunan sosio-ekonominya menerusi gabungan dasar makroekonomi,” jelas WCC.



Penurunan kedudukan turut dicatat negara Thailand, Indonesia dan China. Singapura mencapai ranking ketiga, naik dari kedudukan kelima, sekali gus berada tangga teratas di rantau APAC

Bagaimanapun, China masih mendahului ekonomi Asia-Pasifik (APAC) bersama Singapura (ketiga), Hong Kong (kelima) dan Taiwan (ketujuh).

Singapura mencapai ranking ketiga, naik dari kedudukan kelima, sekali gus berada di tangga teratasnya di rantau APAC.

Pemulihannya dipacu oleh peningkatan ketara ekonomi do-

mestik (di tangga pertama berbanding ke-15 sebelum ini), pekerjaan (ketiga berbanding dengan ke-18), kewangan awam (keenam berbanding tangga ke-12) serta produktiviti dan kecekapan (ranking kesembilan berbanding ke-14 pada 2021).

Namun, ia kekal pada kedudukan yang agak rendah dalam beberapa subfaktor, ter-

masuk amalan pengurusan (ke-14), infrastruktur saintifik (ke-16) serta kesihatan dan alam sekitar (ke-25).

Menurut WCC IMD, India mencatatkan peningkatan ketara dalam kalangan ekonomi Asia, berada di kedudukan ke-37 berbanding ke-43 sebelum ini.

Kedudukannya melonjak enam tangga selepas empat tahun mengalami prestasi tidak berubah. Ini didorong terutama oleh lonjakan yang dicatatkan India dari segi prestasi ekonomi dan kecekapan perniagaan.

Ketua Ahli Ekonomi WCC IMD, Christos Cabolis berkata, selain tekanan inflasi menjejaskan kebanyakan ekonomi, cabaran global lain yang turut sama memburukkan daya saing negara ialah varian Covid-19.

Ini termasuk jumlah orang yang dijangkiti di seluruh dunia, perbezaan dasar nasional untuk menangani Covid serta krisis di Ukraine. -Bernama